

**Perhimpunan Pakatan Rakyat Nafi Suara Majoriti Rakyat Yang Memilih BN
Bernama
9 May, 2013**

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Perhimpunan membantah keputusan pilihan raya umum ke-13 (PRU13) di Stadium Kelana Jaya, Selangor anjuran Pakatan Rakyat malam tadi bukan sahaja menyusahkan banyak pihak, bahkan menafikan suara majoriti rakyat yang memilih Barisan Nasional (BN).

Ketua Umno Bahagian Cheras Datuk Syed Ali Alhabshee berkata pemimpin pakatan seharusnya menerima hakikat majoriti rakyat di negara ini masih menaruh keyakinan terhadap kemampuan dan kredibiliti Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk memimpin negara.

"Kenapa Datuk Seri Anwar Ibrahim (Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat) boleh pula menerima kemenangan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan seandainya terbukti benar SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya) dan BN melakukan penipuan seperti yang beliau dakwa?

"Saya mencabar Anwar supaya mengadakan perhimpunan...membantah keputusan PRU13 yang memihak kepada Pakatan Rakyat dengan alasan proses pengundian tidak telus dan berlaku penipuan," katanya dalam blog Umnobahagiancheras.blogspot.com, hari ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948575>